

Yayasan UMP terima 32,000 buku latihan KAFA

[Asrol Awang](#) - Mac 14, 2021 @ 2:05pm
bhnews@bh.com.my



Pengerusi Yayasan UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman (tengah) melihat 32,000 naskhah buku latihan KAFA di UMP Pekan. - Foto ihsan UMP

KUANTAN: Yayasan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima 32,000 naskhah buku latihan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) bernilai RM200,000 untuk diagihkan kepada lebih 4,000 murid prasekolah dan sekolah rendah di negeri ini.

Sumbangan itu diterima daripada SME Corporation Malaysia yang bekerjasama dengan Fateh Resources Holdings Sdn Bhd selaku pengedar tunggal buku KAFA serta penerbitan Syarikat Fargoes Sdn Bhd.

Pengerusi Yayasan UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata Yayasan UMP dan universiti menghargai sumbangan buku latihan itu untuk diedarkan kepada pelajar.

Katanya, pihaknya turut menerima sumbangan daripada pihak luar termasuk Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang sentiasa menyokong dengan menyalurkan bantuan bagi meringankan beban pelajar.

"Ilmu ini penting untuk memupuk perkara asas khususnya bagi anak-anak berdepan cabaran baharu pada masa akan datang supaya mereka ini berupaya menjadi pemimpin masa hadapan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

MUIP turut menyerahkan bantuan zakat bernilai RM133,810 kepada Yayasan UMP.

Sementara itu, Dr Abdul Aziz berkata, kerjasama dengan MUIP juga memberi manfaat kepada pelajar UMP dalam projek pembangunan Kolej Kediaman Mawaddah.

"Ia inisiatif pengurusan UMP dan MUIP dalam usaha membantu pelajar yang mempunyai masalah kewangan serta kos sewa rumah yang semakin meningkat yang perlu ditanggung pelajar.

"Bangunan yang didirikan di UMP Pekan ini akan memberi manfaat kepada 220 mahasiswa daripada golongan anak yatim dan asnaf serta dijangka siap sepenuhnya pada awal Januari 2022," katanya.